

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI ETIK DAN ESTETIKA

Oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera Sastera dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1983/84

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Pengenalan i – ii

BAB 1

1.1.	Pengertian Adat	1
1.2.	Sistem Adat Perpatih	2
1.2.1.	Sistem Nilai	2
1.2.2.	Sistem Kekeluargaan	8
1.2.3.	Sistem Politik	16

BAB 2

2.1	Sistem Pusaka	18
2.1.1	Pusaka Sendiri (Pusaka pakaian diri sendiri)	18
2.1.2	Harta Carian	18
2.1.3	Harta Pembawa	19
2.1.4	Harta Dapatan	20
2.2	Sistem Perwarisan Harta	20
2.3	Pengaruh Sosio-budaya terhadap susunan perwarisan Adat Perpatih	26

BAB 3

	Hukum Faraid	30
3.1.	Definisi Faraid	30
3.2.	Hukum Perwarisan Harta Di Dalam Al-Quran	31
3.3.	Rukun Pepusakaan, Sebab, Syarat dan Halangannya	33
3.4.	Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	38
3.4.1.	Waris Yang Menerima Pusaka	39
3.4.2.	Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian	39

3.5.	Pusaka Suami Isteri Secara Terperinci	42
3.5.1.	Syarat Pepusakaan Melalui Perkahwinan	42
3.6.	Kedudukan Waris-Waris 'Ashab al-Furud' Di Dalam 'Fard' Mereka dan Hak-Hak Lain	43
3.7.	'Asabah' Pengertian Dan Pembahagiannya	48
3.8.	Hijab, Pengertian Dan Bahagian-Bahagiannya	51
3.9.	Keadilan Pepusakaan Di Dalam Islam	53

BAB 4

	Persoalan Perhubungan Harta Dalam Adat Perpatih	55
4.1.	Konsep Harta	55
4.2.	Sistem Pembahagian Harta	57

BAB 5

	Pandangan Penulis Terhadap Sistem Pembahagian Harta Di Antara Adat Perpatih Dan Hukum Syarak	67
--	--	----

	BIBLIOGRAFI	72
--	-------------	----

PENGENALAN

1. Kepentingan Kajian

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai kebudayaannya sendiri. Kebudayaan yang di dokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, sistem politik, sistem perekonomian, sistem organisasi dan sistem kepercayaan.

Sebahagian dari nilai ini dilihat melalui perbilangan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Perbilangan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih mencerminkan hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Melalui nilai ini diperlihatkan bagaimana perkembangan sesuatu masyarakat itu. Dari gambaran nilai ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut. Di samping itu, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi nilai estetika atau nilai keindahan yang harus diambil perhatian.

2. Tujuan Kajian

Banyak kajian dan penulisan telah dilakukan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh para pensyarah dan mahasiswa/i dengan membawa tajuk-tajuk menarik. Antaranya ialah kajian dari sudut sosial dan ekonomi iaitu kajian yang menyentuh institusi perkahwinan, institusi kekeluargaan dan kajian dari segi tanah pusaka. Walaupun telah banyak kajian dibuat, namun masih terdapat aspek lain yang belum terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas nilai etik yang terkandung dalam sistem Adat Perpatih. Penulis juga akan mengkaji nilai-nilai estetika atau keindahan yang terdapat dalam perbilangan tersebut.

3. **Skop Kajian**

Kawasan yang mengamalkan Adat Perpatih ini terhad iaitu kawasan Negeri Sembilan dan Alur Gajah, Melaka. Penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan Adat Perpatih merupakan skop kajian ini.

4. **Masalah Kajian**

Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri yang kurang faham beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat ini bukan terdapat secara terperinci. Mereka yang tahu selok belok Adat Perpatih ialah terdiri dari ketua-ketua Adat atau Pemimpin Masyarakat yang tinggal di merata bahagian perkampungan menimbulkan masalah kepada pengkaji.

5. **Kaedah Kajian**

Penulis akan membuat kajian luar dan juga menggunakan bahan rujukan yang di perpustakaan. Penulis juga menemubual Ketua Adat di Kampung Pulau Besar (Negeri Sembilan) iaitu Encik Manap Osman dan Ketua Adat di Felda Bukit Jalor iaitu Encik Mat Sar bin Shadi. Di samping itu penulis juga menemubual secara tidak langsung dengan beberapa orang yang mengetahui serba sedikit tentang perbilangan Adat Perpatih.

Penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan di mana terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pensyarah dan mahasiswa/i. Penulis juga melihat perbilangan yang telah dikumpulkan oleh beberapa orang penulis dan pengkaji dalam bentuk buku dan majalah.

BAB 1

1.1. Pengertian adat

Adat adalah satu cara hidup masyarakat yang terdiri dari insan yang diberi Allah akal kepadanya. Cara hidup satu-satu masyarakat dituang dalam peraturan bagi masyarakat itu dijadikan pedoman hidup bagi masyarakatnya.¹

Di Semenanjung Tanah Melayu, sistem Adat Perpatih terdapat di Negeri Sembilan (di daerah-daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu, Seremban) dan di Melaka iaitu di Naning dan Alur Gajah. Adat Perpatih istilahnya merupakan urutan kata yang mendukung satu cita-cita dan ideologi bersama yang menjadi pegangan dan anutan kepada masyarakat yang tinggal di sebahagian besar daerah di Negeri Sembilan.

Bila menyebut Adat Perpatih, perhatian masyarakat di Malaysia akan tertumpu ke Negeri Sembilan. Tetapi, apabila melihat Adat Perpatih secara mendalam dan meluas, pemerhatian kita akan tertumpu lebih jauh dari itu iaitu ke Minangkabau di Sumatera. Ini adalah kerana Adat Perpatih di Negeri Sembilan mempunyai hubungan yang rapat serta kait-mengait dengan Adat Minangkabau dari sudut sejarahnya.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan melalui satu proses yang berlangsung selama beberapa abad. Proses ini mungkin sudah bermula sejak abad ke 14 Masihi atau lebih dahulu lagi hasil dari timbulnya konsep 'merantau' di kalangan mereka.²

¹ Mohd. Dahlan Mansoer, 'Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan kaitan Sejarah dan Kebudayaan', Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Belia Negeri Sembilan, April 1974

² Mohad. Dahlan Mansoer, Seminar Persejarahan Adat Perpatih Negeri Sembilan, 1974.

Sistem peraturan yang dibawa oleh mereka itu menjadi undang-undang tidak bertulis di Negeri Sembilan dengan sebutan Adat Perpatih juga.³ Kemudian dalam perkembangan selanjutnya, Adat Perpatih ini berkembang melalui jalannya sendiri akibat perkembangan setempat dan diuhsuaikan dengan keadaan dan iklim sekitarnya.

Adat, seperti undang-undang juga adalah seumpama kanun pemeliharaan dalam mengujudkan keperibadian tata kesusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa seperti lainnya ia tertakluk kepada undang-undang ‘ alam’ mendalami perubahan.⁴ Oleh yang demikian Adat Perpatih merangkumi beberapa bidang seperti sistem nilai, sistem perekonomian, sistem politik, sistem pentadbiran dan sistem keadilan.

1.2. Sistem Adat Perpatih

Sistem Adat Perpatih terbahagi kepada enam perkara iaitu sistem nilai sistem kekeluargaan, sistem politik, sistem perekonomian, sistem hukum adat dan sistem perlapisan.

1.2.1 Sistem Nilai

Sesebuah masyarakat itu perlu dikaji dalam konteks masyarakatnya sendiri. Masyarakat bertindak berdasarkan kehendak-kehendak dan keperluan mereka sendiri. Tiap-tiap masyarakat ada sistem nilainya. Nilai ialah fikiran, tanggapan dan konsep tentang sesuatu yang dikatakan ‘ level of mind.’⁵ Oleh itu yang menjadi penggerak kelakuan ialah nilai.

³ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, (Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya, 1975), h. 112-113.

⁴ Haji Abbas B. Haji Ali, ‘ Sebahagian dari Dasar Adat ‘ , Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia, Negeri Sembilan, April 1974.

⁵ Haji Abbas B. Haji Ali, ‘ Sebahagian dari Dasar Adat ‘ , Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia, Negeri Sembilan, April 1974.

Sistem nilai itu pula dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu, nilai tentang hidup bermasyarakat, nilai tentang ekonomi, nilai tentang kepimpinan dan nilai tentang pertentangan antara ugama dan adat.

Pada masyarakat Adat Perpatih, adat ialah peraturan hidup di dunia bertujuan membawa kebaikan dan ketenteraman pada masyarakatnya. Peraturan-peraturan ini dibahagikan kepada dua iaitu yang asasi dan yang penting dan yang keduanya ialah yang tidak asasi. Peraturan-peraturan yang asasi dan penting serta tidak boleh berubah ialah sistem bersuku, sistem bersusur galur dari ibu dan sistem tanah pusaka. Dasar-dasar adat ini harus dikekalkan. Kalau diubah juga adat itu akan punah.

Dianjak layu

Dicabut mati

Walau bagaimana pun, adat itu dinamis. Ia sentiasa berubah mengikut zaman.

Sekali air gadang

Sekali tepian berubah

Di antara peraturan-peraturan yang tidak asasi dan boleh berubah ialah peranan kaum wanita. Pada masa dahulu mereka ke dapur tetapi sekarang kebanyakannya ke pejabat. Dalam upacara perkahwinan pula, dahulunya pakai baju Melayu serta songkok tetapi sekarang pakai kot dan tali leher bagi lelaki dan gaun bagi perempuan.

Nilai tentang budi

Budi ialah nilai yang utama dalam Adat Perpatih. Banyak perkara mengenai Adat Perpatih tidak mungkin difahami tanpa mengetahui konsep budi. Hampir semua unsur-unsur Adat Perpatih ada kaitannya dengan budi. Menurut Nasroen,

“Budi itulah merupakan suatu ikatan
yang erat dan halus dalam pergaulan hidup.
Ada kalanya ikatan budi lebih kuat dari
ikatan darah”.⁶

Budi ini boleh disumbangkan melalui pemberian material (hati gajah sama dilapah), tenaga (berat sama dipikul), budi pekerti (hormat menghormati) dan berbahasa. Tegasnya, budi itu ialah satu cara hidup.

Nilai Tentang Kaum Perempuan

Dalam masyarakat Adat Perpatih, kaum perempuan disebut ‘bonda kandung’ iaitu ibu yang melahirkan anggota-anggota masyarakat ataupun dikenali juga sebagai ‘waris pusaka’ iaitu anggota-anggota yang boleh mewarisi pusaka.

Harta pusaka ialah jaminan hidup dan sumber ekonomi kaum perempuan. Menurut Abdullah Siddik,

“Perwarisan harta ‘pusaka benar’ kepada perempuan
didasarkan oleh Adat Perpatih kepada keadaan alam
semulajadi, iaitu anak perempuan yang meneruskan
perut atau suku dan anak perempuan pulalah yang
lemah dan perlu dijaga keselamatannya dan dijamin

⁶ M.Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, (Djakarta; Penerbit Pasaman, tanpa tarikh, h.79.)

kehidupannya. Oleh kerana itu maka harta pusaka benar diletak atas nama perempuan dari ibunya turun-temurun”.⁷

Kaum perempuan diberi keutamaan kerana mereka dianggap lemah dan perlu pertolongan. Sedangkan kaum lelaki mempunyai tenaga yang lebih untuk mencari wang.

Nilai Tentang Individu

Dalam masyarakat Adat Perpatih, individu dan masyarakat itu tidak boleh dipisahkan individu mewujudkan masyarakat. Dalam Adat Perpatih, seseorang itu digalakkan mempunyai sifat-sifat terpuji seperti menjaga nama dan maruah, bersifat sabar dan bertanggungjawab serta berani kerana benar.

Nama dan maruah adalah harga diri seseorang itu dalam masyarakat. Apabila mati harus meninggalkan nama yang baik. Seseorang itu juga digalakkan mempunyai perasaan malu untuk menjaga nama dan maruah. Malu di sini bererti tidak melanggar adat. Oleh itu secara tidak langsung dia dapat menjaga nama baik anggota-anggota lain dalam kumpulannya.

‘tercencang puar, tergerak andilau’

Puar adalah sejenis pokok di hutan, Andilau pula ialah sejenis akar yang selalu melilit pokok puar itu. Jika puar dicencang, andilau juga turut merasa akibatnya. Oleh itu sesuatu yang menyentuh individu akan menyentuh masyarakat dan begitulah sebaliknya.

⁷ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, h.149

Di samping itu, seseorang haruslah bersifat sabar dan mengalah. Sifat yang sedemikian penting terutamanya apabila seseorang itu merantau di negeri orang. Seseorang itu dalam jangka usia usianya akan menempuh berbagai-bagai dugaan dan kesulitan. Oleh itu seseorang perlu sabar dalam menyelesaikan masalahnya.

Sifat bertanggungjawab perlu ada pada seseorang itu. Seseorang itu bukan sahaja bertanggungjawab pada dirinya tetapi juga kepada nenek moyangnya serta kepada generasi akan datang. Kewajipan terhadap nenek moyang dan generasi akan datang boleh dilakukan dalam bentuk material iaitu menambah harta pusaka di samping memelihara adat turun temurun.

Nilai tentang hidup bermasyarakat

Dalam Adat Perpatih, nilai hidup bermasyarakat itu ialah nilai hidup bermuafakat. Muafakat membawa makna dan tujuan yang berbagai-bagai seperti timbang rasa, tolong menolong dan persefahaman.

Tegasnya, hidup bersama adalah penting dalam masyarakat yang mengamalkan sistem Adat Perpatih. Dalam hidup bermasyarakat, masyarakat mestilah menghormati hak-hak setiap anggotanya. Adat Perpatih menekankan bahawa dalam sesuatu masyarakat ‘tidak ada orang yang tidak berguna’.

Yang buta menghembus lesung

Yang pekak pelepas bedil

Yang lumpuh penghuni rumah

Yang kuat pembawa beban

Yang bingung disuruh arah

Oleh yang demikian tidak ada seorang pun yang dihina dan disingkir dalam masyarakat itu. Malah mereka dihormati sebagai individu dan diberi peranan sebagai anggota masyarakat dengan mempertimbangkan sifat-sifat ke individuannya.

Nilai tentang ekonomi

Dalam Adat Perpatih, ekonomi dianggap penting. Ekonomi dilambangkan dengan perkataan ‘emas’.

Hilang rupa dek penyakit

Hilang bangsa dek tak beremas

Adat mengakui bahawa kehormatan dan harga diri banyak bergantung kepada kedudukan ekonomi. Kedudukan ekonomi yang teguh sangat penting sebagai asas hubungan baik antara manusia dan sebagai syarat untuk terus hidup.

Harta yang paling penting ialah tanah. Seluruh adat berasaskan tanah yang dipunyai bersama dan didiami bersama oleh sesuatu unit. Tanah pusaka ini serta ladangnya, tetap tidak boleh berkurang turun temurun, bertambah boleh.⁸ Oleh yang demikian, kedudukan ekonomi yang teguh adalah penting untuk menentukan masyarakat itu akan tetap makmur dan berkembang.

Nilai tentang kepimpinan

Pada dasarnya yang dikatakan pemimpin dalam Adat Perpatih itu ialah ketua-ketua Adat seperti Buapak, Lembaga, Undang dan Yang Dipertuan Besar. Pada praktiknya pemimpin-pemimpin tersebut kesemuanya terdiri dari kaum lelaki kerana mereka itu dikatakan ‘pagar’ bagi masyarakatnya. Pemimpin itu hendaklah sentiasa memelihara kaum dan anak buahnya dengan adil dan bijaksana. Seseorang pemimpin itu boleh diibaratkan seperti ;\

Batangnya tempat bersandar

Dahannya tempat bergantung

Buahnya untuk dimakan

Daunnya untuk berindung

⁸ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h.18-19

Kepimpinan dalam Adat Perpatih berlandaskan konsep muafakat dan budi. Sesuatu keputusan mestilah dicapai dengan muafakat. Semua yang terlibat berhak memberi pendapatnya dan untuk mendapat kata putus mestilah ada tolak ansur.

Nilai tentang agama dan adat

Adat Perpatih wujud terlebih dahulu (di Minangkabau) daripada agama Islam. Adat itu khusus membicarakan peraturan-peraturan hidup di dunia. Agama Islam pula membawa soal tuhan dan akhirat. Menurut Professor Nasroen,

“Agama dan Adat di Minangkabau
tidak bertentangan malahan agama
Islam itu menyempurnakan adat
Minangkabau”.⁹

Kesimpulannya, kedatangan Islam telah menyempurnakan lagi adat itu. Keduanya mempersoalkan tentang kebaikan. Pada adat, menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik. Pada syarak menyuruh berbuat baik menegah berbuat jahat.

1.2.2. Sistem Kekeluargaan

Sistem kekeluargaan atau sistem kekerabatan ini dikaitkan dengan seseorang. Masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang unilateral atau unilineal (di susur galurkan kepada satu pihak sahaja) dan matrilineal (susur galur menurut ibu). Oleh yang demikian, sistem Adat Perpatih mengutamakan keturunan kepada nisab sebelah ibu.

Terdapat beberapa konsep penting apabila membincangkan sistem kekeluargaan dalam Adat Perpatih. Konsep-konsep tersebut ialah perut, suku, semenda-menyemenda dan berkedim. Dari dasar unilineal-matrilineal maka timbullah konsep suku sebagai teras pegangan di dalam Adat Perpatih. Perkataan suku itu bererti keluarga atau kaum.

⁹ M.Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, h.21.

Menurut Idris Tain, suku bukanlah mengandung anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas tetapi hanya pengelompokan anggota masyarakat yang telah ada sejak zaman tradisional.¹⁰ Satu-satu suku itu dipecah-pecahkan kepada pecahan yang kecil iaitu perut.¹¹ Anggota-anggota yang membentuk perut itu mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan mereka berasal dari nenek yang sama.

Anggota-anggota perut ialah mereka yang dilahirkan dari perut yang sama. Misalnya sesuatu perut itu dipanggil 'perut Rokiah'. 'Perut Rokiah' ini terdiri dari diri Rokiah sendiri sebagai pangkalnya, anak-anaknya, anak-anak kepada anak-anak perempuannya dan seterusnya. Secara teori anggota-anggota perut itu tiada hadnya iaitu boleh terdiri daripada beberapa generasi. Tapi biasanya, kebanyakan perut terjumlah kepada tiga atau empat generasi sahaja. Ini kerana tiap-tiap perut mempunyai kecenderungan untuk berpecah kepada beberapa perut apabila ibunya meninggal dunia. Umpamanya, Rokiah mempunyai 3 orang anak iaitu Hasnah, Habibah dan Hamidah. Maka wujudlah 'perut Hasnah', 'perut Habibah' dan 'perut Hamidah'. Pada masa dahulu apabila seseorang gadis dikahwinkan pada usia yang amat muda, dia mungkin dapat melihat keturunannya sampai ke piut. Pada masa ini seorang perempuan itu biasanya hanya sempat hidup untuk melihat cucu.

Setiap perut dalam satu-satu suku mempunyai ketua masing-masing iaitu Buapak dan anggota-anggota dalam perut itu dikenali sebagai anak buah. Seseorang Buapak itu bertanggungjawab terhadap anak buahnya. Beliau dipilih oleh anak-anak buah dalam perutnya sendiri menurut persetujuan ramai. Perasaan persaudaraan amat kuat di kalangan anggota-anggota perut.

¹⁰ Idris Haji Tain, "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan, April 1974.

¹¹ Abdul Rahman Bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1964), h.30.

Dalam perkembangan selanjutnya perut-perut yang mengakui sama nenek moyang menggabungkan kepada satu kumpulan yang lebih besar. Orang Minangkabau berasal dari empat suku iaitu Suku Koto, Suku Piliang, Suku Budi dan Suku Caniago.

Orang Minangkabau yang 'merantau' ke Negeri Sembilan datang secara berkumpulan kecil dan hidup berkampung-kampung mengikut kampung asal mereka. Peneroka-peneroka pertama yang datang pada amnya berasal dari Paya Kumbuh, Seri Lemak, Rungkal dan Tanah datar. Bila mereka sampai di sini, mereka mengelompokkan diri ke dalam beberapa kelompok berdasarkan daerah asal mereka. Dengan ini terbentuklah dua belas kelompok yang dinamakan suku.

Suku dua belas itu terdiri dari suku Biduanda, Batu Hampar, Seri Melenggang, Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumbuh, anak Melaka, Anak Aceh dan Batu Belang. Di antara dua-belas suku tersebut, suku Biduanda mempunyai kedudukan yang istimewa iaitu berhak menyandang jawatan Undang Luak. Ini disebabkan suku Biduanda dianggap sebagai suku peribumi yang sesungguhnya merupakan orang asal di Negeri Sembilan. Sedangkan suku-suku lain itu ialah orang mendatang iaitu peneroka-peneroka dari Minangkabau, Melaka dan Aceh. Menurut M.B. Hooker,

“Traditionally, there are twelve olans in Negeri Sembilan though not all twelve are represented in each adat district in the state. The Biduanda or Waris olan is theoretically preminent as representing the original inhabitants of-the-land. The other eleven olans are imigrants from Sumatera and hold their land by purchase from Biduanda.”¹²

Setiap suku itu merupakan suatu ikatan keluarga, maka hubungan antara mereka itu adalah rapat dan saling bantu-membantu. Dalam sistem ekonomi, tanah pusaka pada konsepnya adalah hak milik bersama perut dan suku. Masing-masing ada hak untuk

¹² Hooker, M.B., Adat Laws in Modern Malaya, (K.L: Oxford University Press, 1972), h.21.

mengerjakan serta memakan hasil dari tanah pusaka tersebut. Jadi dengan sendirinya satu unit kekeluargaan itu merupakan satu unit yang bekerjasama dalam bidang ekonomi. Tanggungjawab terhadap tanah dan pengerjaannya adalah tanggungjawab bersama seluruh anggota.

Dari sudut sosial pula, tanah pusaka merupakan tanah tempat tinggal. Tiap-tiap perut ada tempat tinggalnya sendiri dan besar kemungkinannya anggota-anggota tiap-tiap perut itu berjiran antara satu sama lain. Oleh itu, timbullah perhubungan hari-hari seperti:

Sehalaman sepermainan

Seperigi sepermandian

Sejamban seperulangan

Setiap suku mempunyai ketuanya sendiri yang dikenali sebagai Lembaga. Lembaga ini dipilih dan dilantik oleh anak-anak buahnya menerusi Buapak mereka. Lembaga bertanggungjawab terhadap segala hal yang berlaku dalam perut-perut yang bergabung dalam sukunya.

Hubungan persaudaraan antara suku melampaui batasan-batasan daerah. Misalnya orang dari suku Seri Lemak di Kuala Pilah masih ada hubungan persaudaraan dengan orang Seri Lemak di Jelebu atau di daerah-daerah lain. Pada anggota Adat Perpatih, kekeluargaan itu menjadi asa hidup iaitu perlindungan, ketenteraman, pertolongan, tempat mengadu dan lain-lain. Oleh yang demikian, walau di mana-mana pun seseorang itu berada, Adat menggalakkan dia mencari keluarga.

Dekat cari waris

Jauh cari suku

Keluarga sedarah nisab ibu ini termasuklah anggota-anggota perut dan suku yang dianggap sedarah kerana berasal dari moyang perempuan yang sama turun-temurun di sebelah perempuan. Anggota-anggota keluarga sedarah nisab ibu Ego ialah memanggil emaknya mak atau ibu, emak kepada emaknya di wan, emak kepada wan dipanggil nenek, emak kepada nenek dipanggil moyang dan seterusnya dipanggil nenek moyang sahaja.

Adik beradik lelaki dan perempuan kepada emak Ego. Adik beradik lelaki kepada emak Ego dikenali sebagai Buapak kedim atau bapak sanak ibu. Ego memanggil mereka dengan panggilan mak atau pak.

Adik beradik lelaki dan perempuan kepada wan, nenek dan nenek moyang Ego juga dapat dikenali dengan panggilan tertentu. Adik beradik lelaki wan dikenali sebagai datuk sanak ibu dan dipanggil 'tok', adik-beradik perempuan kepada wan dikenali sebagai wan sanak ibu dan dipanggil wan. Adik beradik yang lebih tua dalam keluarga Ego sendiri dipanggil abang (lelaki) dan kakak (perempuan). Adik beradik Ego yang lebih muda dikenali sebagai adik dan dipanggil dengan nama sahaja.

Saudara pupu Ego sebelah ibu pula dikenali sebagai sanak ibu, sanak datuk, sanak moyang dan seterusnya. Sanak ibu ialah sepupu, sanak datuk pula ialah dua pupu dan sanak nenek pula ialah tiga pupu dan seterusnya.

Kalau Ego itu seorang lelaki, maka anaknya, anak kepada anaknya dan seterusnya tidak termasuk dalam keluarga sedarah nisab ibu. Tetapi kalau Ego seorang perempuan, hanya keturunan dari anggota-anggota perempuan keluarga sedarah nisab ibu sahaja dikira sebagai termasuk dalam lingkungan sedarah nisab ibunya itu.¹³

Tidak kira sama ada Ego itu lelaki atau perempuan yang termasuk dalam keluarga sedarah nisab ibunya ialah anak kepada adik beradik perempuannya atau anak buah serta keturunan mereka sebelah perempuan. Termasuk juga dalam keluarga sedarah nisab ibu

¹³ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h.35.

Ego ialah adik beradik tiri, sama emak lain bapa. Ikatan Ego dengan emak saudara dan bapa saudara sebelah ibunya lebih erat.

Kategori keluarga seterusnya ialah keluarga kedim. Umumnya kedim itu bermaksud saudara. Semua anggota suku adalah berkedim antara satu sama lain. Terdapat dua jenis kedim iaitu kedim biasa dan kedim dekat atau kedim benar. Kedim dekat pada Ego ialah kedim yang boleh memberi kata putus dalam sesuatu hal. Misalnya, krisis keluarga diselesaikan oleh kedim yang dekat ini.

Terdapat beberapa tujuan berkedim dan menerima kedim. Pertamanya ialah ketiadaan anak perempuan. Anak perempuan penting untuk perkembangan suku dan juga anak perempuan perlu untuk mewarisi harta pusaka.

Adat Perpatih membenarkan satu-satu kelamin itu mengambil anak dari luar suku untuk dijadikan anak sendiri. Perbuatan mengambil anak angkat ini dipanggil ‘mengedimkan budak’.¹⁴

Menurut konsep am Adat Perpatih, terdapat dua jenis lembaga anak angkat iaitu kedim adat dan kedim pusaka dan kedim adat pada Lembaga. Kedim adat dan pusaka ialah mengambil seseorang sebagai anak angkat penuh. Menurut E.N. Taylor

“ Full adoption means that, the relationship constituted between the parties is in all respects equal to that between a natural mother and child”.¹⁵

Menurut Ahmad Ibrahim pula;

Full adoption (kadim adat dan pusaka)

Gives a woman (and her children whether

born before or after the adoption) all

¹⁴ Abdul Rahman B. Hj. Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, h.45

¹⁵ Dipetik dari Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, h.177.

the rights of inheritance and all responsibilities belonging to the natural daughters and granddaughters of her adopter".¹⁶

Jika mengenai seseorang perempuan, maka kedim adat dan kedim pusaka memberi kepadanya semua hak warisan dan semua tanggungjawab kepunyaan anak perempuan dan cucu perempuan ibu angkatnya. Sedangkan seorang lelaki, jika diambil sebagai anak angkat penuh, dia boleh dipilih menjadi penghulu dalam suku ibu angkatnya.

Kedim adat pada Lembaga bermaksud pengambilan anak angkat 'terbatas' iaitu seorang anak perempuan dari sukunya sendiri atau dari sebahagian sukunya diambil sebagai anak angkat kepadanya diberi hak hanya atas harta yang ditetapkan dan telah diberikan kepadanya semasa hidup ibu angkatnya.¹⁷

Pengambilan anak angkat boleh dilakukan dalam lingkungan seperut atau berlainan perut tetapi masih dalam satu suku atau di luar suku sama sekali. Suami yang hendak mengambil anak angkat itu hendaklah mendapat persetujuan dan kebenaran suku si isteri. Apabila telah mendapat persetujuan dari kedua pihak, maka barulah anak angkat itu diterima dan pengambilannya akan disahkan oleh suku yang menerima dengan upacara 'mengedim budak'.

Seterusnya, 'berkedim' ini juga bertujuan untuk menerima orang luar atau orang dagang menjadi saudara. Seseorang anak dagang itu ada status dalam Adat Perpatih. Orang-orang yang tidak berkedim dikatakan 'dagang hanyut'. Ini disebabkan yang memberi status pada orang dagang ialah suku. Apabila menjadi anggota suku bermakna dia mempunyai saudara mara dan kumpulan.

¹⁶ Di petik dari Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, h.177.

¹⁷ Di petik dari Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, h.177.

Sebenarnya, istilah 'kedim' ini bermaksud 'saudara'. Oleh yang demikian, upacara 'mengedim' itu tidak lain daripada mengaku bersaudara. Tegasnya, melalui upacara mengedimkan anak membolehkan seseorang itu menjadi anggota kepada satu perut walaupun ia tidak mempunyai hubungan darah sama sekali.

Kategori keluarga yang seterusnya dikenali sebagai keluarga sedarah sebelah bapa. Ini ialah keluarga sedarah Ego yang tidak seperut dan tidak sesuku iaitu dari perut dan suku ayahnya. Hubungan darah antara Ego dengan ayahnya diakui walaupun berlainan suku. Dalam lingkungan rumahnya, ayah Ego berkuasa terhadap Ego adik beradik serta ibu Ego. Tetapi dalam hal perut dan suku, misalnya tentang perkahwinan Ego, yang mempunyai kuasa ialah abang atau adik lelaki emak Ego. Namun demikian, peranan ayah tetap penting lebih-lebih lagi apabila Ego itu seorang perempuan di mana ayah itu merupakan wali baginya.

Sistem kekeluargaan yang seterusnya dikenali sebagai 'keluarga semenda'. Keluarga semenda ini terbentuk melalui perkahwinan Ego. Diketahui umum bahawa dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan mengandungi duabelas suku yang mengamalkan sistem perkahwinan yang berbentuk 'exogamy' iaitu tidak boleh berkahwin dalam sukunya sendiri.

Bagi seseorang yang datang ke dalam satu-satu suku yang lain dari sukunya sendiri melalui perkahwinan maka dia dipanggil 'orang semenda'. Sementara anggota-anggota suku yang didatangi itu pula dinamakan 'tempat semenda'. Tiap-tiap golongan sama ada orang semenda atau orang tempat semenda mempunyai kewajipan dan kekuasaan masing-masing.

Seseorang itu boleh menjadi orang semenda dan orang tempat semenda dengan serentak. Hal ini berlaku apabila dia berkahwin. Pembahagian kepada dua jenis orang tersebut mustahak bagi menentukan hak dan kewajipan yang berlainan dari kedua pihak terhadap suku keseluruhan. Hak dan Kewajipan ini timbul balik yang bertujuan untuk

kepentingan bersama. Kedudukan orang semenda di tempat semenda mendapat penghargaan diri yang selayaknya seperti yang terdapat di dalam perbilangan ini;

Orang semenda di tempat semenda

Jika cerdik tempat berunding

Jika bodoh disuruh arah

Yang berani dibuat kepala lawan

Kalau kaya hendakkan emas

Kalau alim hendakkan ilmu

Kesimpulannya, prinsip nisab ibu menentukan batas dan keanggotaan kelompok kekeluargaan. Tetapi perhubungan persemendaan meluaskan hubungan antara anggota masyarakat di luar kelompok kekeluargaan itu sendiri.

1.2.3. Sistem Politik

Dari segi politik, pentadbiran adalah tersusun rapi seolah-olah suasana politik mereka tidak bergolak. Dari sini kita dapat lihat semacam ada dasar pembahagian kuasa atar desentralisasi yang bukan sahaja di peringkat negeri tapi juga di peringkat masyarakat itu sendiri. Ini menunjukkan betapa kemasnya politik dan pentadbiran dalam masyarakat Adat Perpatih.

Negeri Sembilan terbahagi kepada empat belas daerah adat atau luak iaitu seri Menanti, Tampin, Sungai Ujung, Jelevu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempul, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Air Kuning dan Linggi.¹⁸ Di antara empat belas luak itu, empat buah luak yang utama ialah sungai Ujung, Johol, Rembau dan Jelevu. Ketua bagi luak yang empat ini dipanggil Undang.

¹⁸ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h.55.

Adat Perpatih di Negeri Sembilan mengamalkan sistem demokrasi iaitu kedaulatan di tangan rakyat. Dasar demokrasi ini terdapat dalam perbilangan Adat Perpatih seperti berikut;

Raja menobat di alam

Penghulu menobat di luak

Lembaga menobat di dalam lingkungan

Ibu bapa menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat pada terataknya

Kepimpinan dalam Adat Perpatih berlandaskan dua konsep iaitu muafakat dan budi. Kedua-duanya merupakan nilai yang asas dalam Adat Perpatih. Sebelum seseorang itu boleh dipertimbangkan untuk menjadi pemimpin dia mestilah memenuhi sifat-sifat sebagai seorang pemimpin seperti perwatakan yang baik, badan yang sihat, berakal dan waras fikiran. Pemimpin dalam suku dan diberi hak keutamaan kepada waris yang paling dekat umpamanya saudara seibu, sebapa, sepupu atau sanak ibu dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

Senarai buku-buku rujukan :

1. A Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publications, Great Britain, 1964
2. Abdul Rahman bin Hj. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
3. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Perpatih di Malaysia, University Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
4. Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd Said, Kitab Pendahuluan Faraid, (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4, 16/67, 1968.
5. Azizi Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975.
6. Hasbi Ash Shiddieqy, Prof., Fiqhul Mawaris. Hukum-hukum Warisan Dalam Syari'at Islam, Bulan Bintang, Jakarta, 1973.
7. Hassan, A., Al-Furqan (Tafsir Quran), Penerbit PAP, Kelantan, 1974.
8. Hooker, Readings in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. _____, Adat Laws in Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
10. Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970.
11. Mawardy Muhammad, Ilmu Faraid, Penerbit Sa'adijah Putra, Padang Panjang, 1966.
12. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
13. Umar Abdullah, Ahkam al Mawaris fi al Syariah ak-islamiah, Cetakan ke 4, 1966.

Senarai Latihan Ilmiah:

14. Azizan Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A., University Malaya Kuala Lumpur, 1969.
15. Mat Zean Aziz, Tanah Pusaka Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, University Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
16. Ujang bin Tahar, Adat Kekeluargaan Di Kalangan Masyarakat Melayu, Bentung, Pahang dan Pandangan Islam Terhadapnya, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975/76.

Kertas Seminar :

17. Abbas bin Haji Ali, Haji., Sebahagian Dari Dasar Hidup, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
18. Abdllah Siddik, Adat Modenisasi, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
19. Idris bin Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
20. Samad Idris, Datuk, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).